



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
MENARA HASIL, ARAS 12
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888
Faks : 03-83137853
: 03-83137854
: 03-83137855

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN. AL.C.600-2/2/7

Tarikh : 09 November 2017

Pengarah Eksekutif
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II
No. 12 Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambathan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15 Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12
Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS 24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden
Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7
Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur

CPA Australia
Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT WORKING GROUP LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN – DIALOG DESIRE BIL. 1/2017**


Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Lanjutan daripada Mesyuarat Working Group Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Dengan Persatuan Akauntan – Dialog DESIRE Bil. 1/2017 pada 20 Jun 2017, bersama ini dikemukakan minit tersebut untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan.

3. Kesiediaan Persatuan memberikan kerjasama untuk membuat hebahan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**



[MAHMOOD BIN DAUD]

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM BERSAMA PERSATUAN
AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN -
DIALOG DESIRE BIL. 1/2017**

Tarikh : 20 Jun 2017 (Selasa)
Masa : 9:30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bendahara, Aras 1, Menara Hasil, Cyberjaya.

Kehadiran:

A. WAKIL LHDNM		
1.	Y.Brs. Encik Mahmood Bin Daud	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) Pengerusi
2.	En. Mohd Idris Bin Mamat	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil (JPH)
3.	Pn. Nor'aini Binti Ja'afar	Pengarah Jabatan Dasar Percukaian (JDP)
4.	Pn. Asriah Binti Shaari	Pengarah Akademi Percukaian Malaysia (APM)
5.	Cik Puteh Mariah Binti Harun	Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)
6.	Tn. Hj. Adzhar Bin Sulaiman	Pengarah Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP)
7.	En. Mohd Jaafar Bin Embong	Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai (JPC)
8.	En. Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Operasi Cukai (JOC)
9.	Pn. Salamattunnajan Binti Besah	Pengarah Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA)
10.	Dr. Nik Abdullah Sani Bin Nik Mohamed	Pengarah Cawangan Cukai Multinasional (CCM)
11.	En. Abu Tariq Bin Jamaluddin	Pengarah Jabatan Undang-undang (JUJ)
12.	Pn. Kanaga Devi A/P Shanmugam	Pengarah Cawangan Industri Khas (CIK)
13.	En. Zulkifli Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Tindakan Khas (JTK)
14.	Pn. Hazlina Binti Hussain	Pengarah Jabatan Resolusi Pertikaian dan Sekretariat Lembaga (JRPSL)
15.	En. Hajam Bin Lajah Alam	Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling (JPDP)

16.	Tn. Hj. Shamshuddin Bin Mohamad Daham	Wakil Pengarah Jabatan Siasatan (JS)
17.	Pn. Wan Ramiza Binti Wan Ghazali	Timbalan Pengarah JPCA
18.	Pn. Eng Choon Meng	Pengarah Cawangan Tidak Mastautin
19.	En. Abd. Rahman Bin Yusof	Wakil Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat (JTM)
20.	En. Mohamad Zain Bin Mohamad Said	Pengarah Bahagian Bantuan Teknikal Audit, JPC
21.	Pn. Normah Binti Md. Zain	Wakil Pengarah Jabatan Dasar Percukaian (JDP)
22.	Cik Norhayati Binti Mat Kassim	Pengarah Bahagian Pemodenan Sistem (BPS), JOC
23.	En. Ammar Bin Johari	Wakil Pengarah Negeri Selangor
24.	Pn. Rahimah Binti Abdullah	Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Korporat
25.	En. Wan Zulfikri Bin Wan Abdul Hamid	Pengarah Bahagian Polisi dan Penyeliaan Audit, JPC
26.	En. Nazri Bin Ismail	Wakil Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur
27.	Pn. Zubaidah Binti Ahmad	Wakil Pengarah Negeri WP Putrajaya
28.	Pn. Zabidah Binti Abd. Rahman	Pengarah Pusat Pemprosesan Maklumat
29.	Pn. Norlaili Binti Nordin	Ketua Penolong Pengarah BPS, JOC
30.	Pn. Dayangku Salawaty Binti Awg Dzulkarnain	Pegawai Khas TKP (OP)
31.	Pn. Nor Aina Binti Nor Hassan	Penolong Pengarah JPH
32.	En. Mohamad Nizar Bin Mokhtar	Urus setia Mesyuarat
33.	En. Noor Mohamad Bin Zakariah	Urus setia Mesyuarat

B. WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN		
1.	Pn. Seah Siew Yun	Wakil CTIM
2.	Pn. Phan Wai Kuan	Wakil CTIM
3.	Pn. Theresa Goh	Wakil CTIM
4.	En. Mohd. Noor Bin Abu Bakar	Wakil CTIM
5.	En. Lim Kok Seng	Wakil CTIM
6.	En. Thong Vee Kean	Wakil CTIM
7.	Pn. Foo Wai Lan	Wakil MICPA
8.	Pn. Liew Ai Leng	Wakil MICPA
9.	Pn. Woon Yoke Lee	Wakil MICPA
10.	Pn. Tan Yu Yin	Wakil MICPA
11.	Dr. Veerinderjeet Singh	Wakil MIA
12.	Cik Carol Eng	Wakil MIA
13.	En. Sam Soh Siong Hoon	Wakil MIA
14.	Pn. Wong Yok Chin	Wakil MIA
15.	Pn. Azlina Zakaria	Wakil MIA
16.	En. Peter Lim Thiam Kee	Wakil MAICSA
17.	En. Eric Yong Siew Meng	Wakil MAICSA
18.	Pn. Chin Woon Li	Wakil MAICSA
19.	En. Zailan Mohamed	Wakil MACS
20.	En. Mohameed Faisal S. Ibrahim	Wakil MATA
21.	Pn. Fadhlina Bt. Mohd Zakri	Wakil MATA
22.	Datuk Harpal Singh	Wakil ExREVENUE
23.	En. Alan Chung	Wakil CPA AUSTRALIA
24.	Cik Sherry Ooi Mei Lian	Wakil CPA AUSTRALIA

1. UCAPAN PENDAHULUAN PENERUSI

- 1.1. Pengerusi memulakan dengan ucapan salam, selamat pagi dan selamat datang kepada ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil-wakil badan profesional dan pengarah-pengarah Jabatan yang hadir ke mesyuarat DESIRE yang pertama untuk tahun 2017.
- 1.2. Beliau memohon maaf kerana penangguhan beberapa kali dan kelewatan pihak Ibu pejabat LHDNM menganjurkan mesyuarat tersebut pada tahun ini disebabkan kekangan yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, untuk tidak mengecewakan pihak badan profesional, mesyuarat kali ini diadakan dalam bulan puasa tahun ini untuk mengelakkan ia tertangguh lagi.
- 1.3. Selanjutnya, Pengerusi memaklumkan tentang rombakan pemegang portfolio beberapa Pengarah Jabatan / Pengarah Negeri dan pengujudan cawangan baharu seperti Cawangan Industri Khas dan Jabatan Perisikan dan Profiling berikutan perubahan struktur organisasi LHDNM. Pengerusi juga memaklumkan bahawa tugas En. Mohamad Nizar Mokhtar sebagai urus setia mesyuarat DESIRE akan berakhir pada 31 Julai 2017 kerana beliau akan ditukarkan ke jabatan lain berikutan kenaikan pangkat. Tugas beliau akan diambil alih oleh pegawai lain.
- 1.4. Seterusnya, Pengerusi meminta barisan pasukan wakil dari LHDNM yang terdiri dari Pengarah / Wakil Pengarah Jabatan / Bahagian / Pengarah Negeri untuk memperkenalkan diri dan jabatan mereka. Ini diikuti oleh wakil-wakil dari Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian untuk memperkenalkan diri dan memaklumkan persatuan yang mereka wakili.
- 1.5. Pengerusi menjelaskan walaupun badan profesional telah mengemukakan banyak isu untuk mesyuarat kali ini, perbincangan mesyuarat ini akan lebih menekankan kepada isu-isu yang utama. Manakala isu-isu kecil akan diselesaikan di peringkat jabatan yang berkaitan.

- 1.6. Pengerusi menekankan pendirian LHDNM terkini adalah fokus terhadap perkembangan sistem dalam operasi percukaian terutamanya penggunaan data analitik dan tatacara bekerja di sekitar sistem yang sedia ada dan yang akan dibangunkan oleh LHDNM. Ini juga akan mengurangkan penglibatan manusia (human interference) dan meminimumkan kos pentadbiran.
- 1.7. Pengerusi memperkenalkan kepada ahli-ahli mesyuarat bahawa Puan Seah Siew Yun sebagai Presiden CTIM yang baru dilantik dan menggantikan Encik Aruljothi Kanagaretnam yang telah bersara. LHDNM merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbangan, komitmen dan sokongan penuh Encik Aruljothi kepada LHDNM sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Presiden CTIM.
- 1.8. Seterusnya, Puan Seah Siew Yun, Presiden CTIM diminta untuk membentangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak CTIM dan ikuti oleh wakil MIA dan MAICSA untuk diberikan maklum balas oleh Pengarah / Wakil Jabatan yang berkaitan.

2. PERBINCANGAN ISU-ISU BERBANGKIT

- A. Lampiran 1 – CTIM MEMORANDUM ON COMPLIANCE AND OPERATIONAL ISSUES dated 3rd APRIL 2017
- B. Lampiran 2 – CTIM MEMORANDUM ON COMPLIANCE AND OPERATIONAL ISSUES (ADDITIONAL ISSUES) dated 26th MAY 2017
- C. Lampiran 3 – MIA & MICPA Joint Operational Issues
- D. Lampiran 4 – MAICSA ISSUES FOR DISCUSSION DESIRE BIL.1/2017 MEETING.
- E. Lampiran 5 – MAICSA ADDITIONAL 5 ISSUES

3. PENUTUP

- 3.1 Sebelum mesyuarat ditangguhkan, Pengerusi memberi peringatan kepada pihak badan profesional untuk mengemukakan maklumat terperinci/lengkap kes yang mengandungi nama pembayar cukai, nombor rujukan fail cukai dan tahun taksiran kes yang dirujuk untuk menyokong isu yang dibangkitkan sebagai penelitian lanjut oleh LHDNM. Maklumat kes pembayar cukai

tersebut dijamin tidak akan didedahkan oleh pihak LHDNM untuk mengawal kerahsiaan pembayar cukai.

- 3.2 Di masa hadapan, sekiranya badan profesional gagal mematuhi arahan dan peringatan tersebut, LHDNM tidak akan memberi maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan kerana ia dianggap sebagai tidak berasas.
- 3.3 Sebagai mengakhiri sesi dialog, Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir kerana penglibatan dalam dialog ini. Beliau juga turut merakamkan penghargaan kepada pihak persatuan yang telah memberikan input dan maklum balas kepada LHDNM melalui sesi ini.

Mesyuarat ditamatkan pada jam 12.55 tengah hari.



MEMORANDUM ON COMPLIANCE AND OPERATIONAL ISSUES

3 APRIL 2017

Prepared by:
Compliance & Operations Working Group (COWG)

COMPLIANCE ISSUES

1. Tax Audit

1.1 General Tax Audit on the Same YA

A taxpayer company was tax audited under General Audit for the years of assessment (YA) 2009 to 2013 in October 2015 by the IRB's Field Audit Unit from Cawangan KL at Menara Olympia, Jalan Raja Chulan. Certain expenses were disallowed by the IRB for YA 2010 to YA 2013 and the company had agreed to the IRB's findings. Additional assessments were raised for YA 2011 and 2012 which the company had paid together with the penalties. No additional assessments were raised for YA 2010 and 2013 as the company was in a tax loss position.

In December 2016, the company's tax agent received a letter from the Desk Audit Unit of the same IRB branch requesting for the tax computation and audited accounts for YA 2010 and 2013 for a desk audit. The tax agent called the IRB officer who wrote the said letter to inform her that the company had already been tax audited by the Field Audit Unit in 2015. However, the tax officer insisted that she still wants to check on the company's accounts. Her reason was that whatever the Field Audit has checked would be different from her Desk Audit unit.

This is totally different for tax audit cases handled by the IRB's Kuantan branch. When the tax agent informed the Desk Audit officer that a company had already been tax audited by the Field Audit Unit, the officer informed the tax agent to disregard his/her letter and would make a note in the file.

Our comments:

According to paragraph 7.6.10 of the Tax Audit Framework (Amendment 1/2015), "*Once the audit case is settled, the audit should not be repeated on the same issues for the same year of assessment. However, if there are new issues to be pursued or new information is received, an audit can be repeated for the same year of assessment.*" The Institute would like to seek clarification on specific situations where it would be necessary for a second time audit to be conducted for the same YAs that had been subjected to tax audit in the previous year.

Jawapan LHDNM:

Keadaan di mana audit boleh dijalankan pada kali kedua dan seterusnya.

- i. Jika terdapat isu baru dalam tahun taksiran yang sama;
- ii. Maklumat baru bagi isu yang sama dalam tahun taksiran yang sama.

Tiada termaktub sebarang peruntukan sebagai halangan untuk LHDNM menjalankan audit kali kedua dan seterusnya sekiranya terdapat asas maklumat baharu atau berlainan yang diterima oleh LHDNM dari sumber-sumber luaran; contohnya dari Jabatan Perisikan dan Profiling, *Taskforce Collection of Information Arrangement* (CIA) antara LHDNM, SSM bersama KDRM dan maklumat *Big Data Analytic* sebagai verifikasi dan pengesahan maklumat melalui dokumen sokongan yang diminta sewaktu audit seterusnya dijalankan ke atas isu dan penemuan yang berbeza dari audit terdahulu. Kesimpulannya, sekiranya untuk sesuatu tahun taksiran yang sudah selesai diaudit dengan isu dan penemuan yang dipersetujui, tiada halangan untuk LHDNM untuk mengulangi proses audit untuk tahun taksiran berkenaan jika terdapat isu dan penemuan yang baharu atau berlainan diperolehi.

Rujuk Perenggan 7.6.10 Rangka Kerja Audit Cukai.

Badan professional diminta untuk kemukakan nama dan nombor rujukan pembayar cukai untuk semakan lanjut cawangan ke atas isu yang dibangkitkan.

Pengerusi bersetuju dengan saranan badan profesional bahawa untuk audit seterusnya, pihak cawangan tidak sewajarnya meminta pembayar cukai mengemukakan dokumen-dokumen yang sama dan sudah dikemukakan sewaktu audit kali pertama dijalankan untuk mengelakkan tambahan bebanan kepada pembayar cukai.

Pegawai audit hendaklah memaklumkan kepada pembayar cukai tujuan audit seterusnya adalah berhubung isu dan penemuan baharu dan berlainan dari audit terdahulu.

1.2 IRB Correspondences and Tax Audit

The following issues were encountered by our members:-

- Many of the IRB correspondences arrived 1 – 3 weeks later from the date of issuance via ordinary post without informing the taxpayer in advance / without emailing the taxpayer a copy of the letter. This creates difficulty in meeting the due date to respond to the IRB as they are usually received a few days before the deadline, or in some cases received after the deadline. Attempts to contact the IRB officer to obtain an extension of time can be difficult especially in cases where there is a change of the officer-in-charge.

Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, pegawai akan kemukakan surat yang boleh dikeluarkan sama ada melalui emel, faks atau pos. Pembayar Cukai hendaklah memaklumkan kepada LHDNM sekiranya terdapat perubahan terkini emel / nombor faks / alamat terkini.

Sila kemukakan nama dan nombor rujukan pembayar cukai untuk semakan lanjut cawangan ke atas isu yang dibangkitkan.

Pengerusi menyarankan bahawa amalan masa kini melalui kaedah penggunaan emel ke arah *paperless* adalah selamat untuk urusan surat menyurat khususnya audit (bukan serahan notis dan sebagainya) antara LHDNM dan pembayar cukai. Ia sewajarnya diperkasakan untuk menyelesaikan isu aduan dari berterusan setiap tahun berhubung surat tidak sampai melalui pos dan surat diterima lewat oleh pembayar cukai.

Penaksir akan mengeluarkan *softcopy* surat rasmi LHDNM dalam format PDF dan ia kemudian dihantar melalui emel kepada pembayar cukai dan salinan (*carbon copy email*) kepada ejen cukai menggunakan rekod alamat emel terkini yang sudah dilaporkan dan masih tersimpan dalam sistem LHDNM. Salinan *hardcopy* surat yang dikeluarkan oleh penaksir tidak lagi akan dihantar melalui pos kecuali atas permintaan pembayar cukai.

CTIM comments (070917):

We welcome the IRB's suggestion by using email as a secondary measure to reach out to all taxpayers for purpose of efficiency. However, postal correspondence by sending out hard copies is still the official way as required under the law. Section 145 deals with Service of Notices.

Jawapan LHDNM kepada CTIM (070917):

Berdasarkan keputusan mesyuarat, LHDNM akan menghantar surat melalui emel kepada pembayar cukai yang ada alamat emel dan melalui medium lain iaitu surat atau faks bagi mereka yang tiada alamat emel. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu yang memerlukan bukti penyerahan notis / surat, prosidur seperti di S.145 ACP 1967 boleh digunakan.

Disamping itu, tarikh penghantaran emel LHDNM tersebut boleh dianggap sebagai bukti untuk mengelakkan isu surat diterima lewat atau tidak diterima oleh pembayar cukai.

Oleh itu, pembayar cukai hendaklah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada LHDNM berhubung perubahan sebarang alamat emel rasmi terkini pembayar cukai untuk simpanan sistem rekod LHDNM.

Keputusan kaedah penggunaan emel sebagai satu-satunya jalan penyelesaian utama ke atas kedua-dua isu surat tidak sampai dan surat diterima lewat oleh pembayar cukai dicadang oleh LHDNM dan tidak dibantah oleh badan profesional.

Manakala, surat-surat pembayar cukai yang dihantar kepada LHDNM akan diterima secara berpusat (*centralise*) di Pusat Pemprosesan Maklumat yang akan mengimbas dan memasukkannya ke dalam sistem dan akhirnya akan dikemukakan dalam bentuk *digitalised softcopy* kepada penaksir untuk tindakan lanjut. Ini memudahkan surat tersebut diurus dengan cekap dan mudah untuk dijejaki.

- The IRB contacted the tax agent and the taxpayer to express their intention to conduct an audit for a period of five years before issuing a letter. When the letter was issued subsequently, the IRB officer only scanned their official letter and sent it via email, which never reached the intended recipients. Other than a softcopy sent via email, no hardcopy of the letter was received by the tax agent or taxpayer.

Penghantaran melalui emel merupakan satu kaedah pengeluaran surat. Alamat emel yang digunakan adalah alamat emel terkini yang terdapat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Pembayar Cukai dinasihatkan untuk sentiasa mengemaskini alamat emel semasa mengemukakan BNCP. Pembayar Cukai atau wakil perlu memastikan alamat surat-menyurat dan emel adalah betul dan terkini.

Sila kemukakan nama dan nombor rujukan pembayar cukai untuk semakan lanjut cawangan ke atas isu yang dibangkitkan.

- Desk audit – The time taken by the IRB to settle tax audit for certain cases are considerably long (> 1 year). In some cases e.g. after 3 years upon the submission of documents, there

are no findings / queries being raised, and the IRB does not issue any closure / clearance letter as per the Tax Audit Framework.

LHDNM mengambil maklum isu yang dibangkitkan dan tindakan peringatan akan dikeluarkan kepada cawangan untuk menyelesaikan kes audit dengan mengeluarkan surat makluman dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk menyokong isu yang dibangkitkan, pihak CTIM hendaklah mengemukakan maklumat terperinci/lengkap kes yang mengandungi nama pembayar cukai, nombor rujukan fail cukai dan tahun taksiran kes yang dirujuk untuk penelitian lanjut oleh LHDNM.

- The tax treatment stated in the Public Ruling is applied retrospectively before the date of the Public Ruling and penalty is imposed on the resulting understatement of tax.

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berhubung dengan mana-mana peruntukan ACP 1967. Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai LHDNM. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya. Ketetapan Umum menjelaskan pendirian LHDNM mengenai sesuatu perkara berdasarkan undang-undang sedia ada. Oleh itu, tidak timbul persoalan perbezaan layanan cukai secara retrospektif yang mungkin mengakibatkan pendapatan terkurang lapor dan pengenaan penalti.

Untuk menyokong isu yang dibangkitkan, pihak CTIM hendaklah mengemukakan maklumat terperinci/lengkap kes yang mengandungi nama pembayar cukai, nombor rujukan fail cukai dan tahun taksiran kes yang dirujuk untuk penelitian lanjut oleh LHDNM.

- The IRB requested for documents relating to historical years for more than 7 years, e.g. YA 2003 to YA 2009. There are instances whereby the IRB examines time-barred years even though it is stated in the Tax Audit Framework (Amendment 1/2015) that records pertaining to the years of assessment which are already time barred will not be examined. [Please refer to Appendix 1]

Liputan audit boleh melebihi lima (5) tahun seperti dinyatakan di bawah Seksyen 91(3) ACP 1967 bagi kes penipuan, pelarian cukai secara sengaja atau kecuaiian. Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk pembayar cukai menyimpan rekod selama 7 tahun masih tertakluk di bawah Seksyen 82 ACP 1967.

Tujuan permohonan dokumen adalah bagi membolehkan pegawai audit menganalisis sesuatu isu berdasarkan dokumen yang betul bagi menghasilkan keputusan audit yang tepat. Walau bagaimanapun, jika pembayar cukai tidak

mengemukakan BNCP dalam tempoh, dokumen berkenaan perlu disimpan dalam tempoh 7 tahun dari BNCP dikemukakan.

Bagi kes-kes audit di mana terdapat elemen penipuan, pelarian cukai secara sengaja atau kecuaiian, taksiran boleh dibangkitkan di bawah seksyen 91(3) ACP 1967.

Sila kemukakan nama dan nombor rujukan pembayar cukai untuk semakan lanjut.

- The IRB issued an audit findings letter with a time frame of 7 days on the eve of a long public holiday break. The time frame given is inconsistent with the Tax Audit Framework (Amendment 1/2015) of 21 days. Apparently, the matter has not been fully addressed.

Pembayar cukai boleh membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh 21 hari dari tarikh Surat Pemberitahuan Pelarasan mengikut para 7.6.6 RKAC 1/2017.

Prosedur Kerja Audit menetapkan pembayar cukai diberi masa dalam tempoh 21 hari untuk mengemukakan maklumbalas terhadap Surat Penemuan Audit kali pertama. Bagi surat lanjutan, pegawai audit boleh menggunakan budibicara ke atas tempoh maklumbalas berdasarkan isu dan maklumat diminta.

Untuk menyokong isu yang dibangkitkan, pihak CTIM hendaklah mengemukakan maklumat terperinci/lengkap kes yang mengandungi nama pembayar cukai, nombor rujukan fail cukai dan tahun taksiran kes yang dirujuk untuk penelitian lanjut oleh LHDNM.

- IRB Sibul requested for Audit Working Paper (AWP) files for a tax audit. The Tax Audit Framework (Amendment 1/2015) states that a tax audit is an examination of a taxpayer's business records and financial affairs. AWP files are not taxpayers' business records and should not be covered under S.81 of the Income Tax Act, 1967. Therefore, it should not have been requested for the purpose of a tax audit.

Bukan amalan LHDNM untuk minta AWP bagi semua kes audit. Ia hanya diminta daripada firma audit bagi kes apabila audit dijalankan di premis perniagaan bagi kes yang perlu, terutamanya yang melibatkan banyak pelarasan semasa pengauditan yang memerlukan penelitian terperinci oleh pegawai audit sebelum penemuan diperjelaskan.

Seksyen 81 ACP 1967, kuasa untuk meminta maklumat seperti berikut:-

“ Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang memberi secara lisan atau boleh melalui notis yang ditandatangani menghendaki mana-mana orang memberi secara bertulis dalam suatu masa yang dinyatakan dalam notis segala maklumat atau butir-butir itu sebagaimana yang diminta oleh Ketua Pengarah bagi maksud-maksud Akta ini dan yang mungkin dalam posesi orang itu:...”

LHDNM mengambil maklum isu yang dibangkitkan dan tindakan makluman peringatan akan dikeluarkan kepada cawangan.

Our comments:

1.2.1 In view of the matters raised above, we seek confirmation that all tax audit should be guided by the Tax Audit Framework (Amendment 1/2015). We would really appreciate it if the matters could be addressed and resolved.

1.2.2 We would also request for the following:-

- The hardcopy of the IRB's letter for a tax audit is still sent to the tax agent regardless of efforts to notify vide other channels.

Amalan biasa adalah, surat akan dikeluarkan terus kepada alamat pembayar cukai sebagai pemakluman audit kecuali pembayar cukai menggunakan alamat ejen cukai. Ini adalah untuk mengelakkan pembayar cukai daripada tidak menerima surat tersebut dan tidak mengetahui pemakluman audit LHDNM sekiranya dihantar terus kepada ejen cukai terutamanya dalam situasi di mana ejen cukai yang lama tidak memanjangkan surat audit tersebut kepada pembayar cukai yang telah menukar ejen cukai yang lain. Ini mengakibatkan pembayar cukai tidak mengetahui bahawa tindakan audit akan dijalankan ke atas mereka. Justeru, amalan biasa sedia ada tersebut dikekalkan.

Pembayar Cukai boleh meminta ejen cukai hadir semasa sesi temuduga dijalankan sebagaimana para 8.3.1 Rangka Kerja Audit Cukai.

Surat menyurat boleh dibuat salinan kepada ejen cukai sekiranya surat lantikan disertakan bersama.

Semua surat-menyurat LHDNM akan dihantar sama ada secara emel, faks atau pos kepada pembayar cukai. Salinan kepada ejen cukai boleh dikeluarkan sekiranya terdapat perlantikan wakil cukai secara rasmi.

Pengerusi menekankan sekali lagi bahawa penggunaan kaedah emel mengikut rekod alamat emel rasmi terkini pembayar cukai dan ejen cukai sehingga makluman kepada LHDNM bahawa ia dibatalkan, untuk penghantaran surat-menyurat audit/siasatan sewajarnya diterima pakai untuk mengatasi isu yang dibangkitkan berulang lagi.

Mesyuarat bersetuju dengan saranan tersebut dan wajar di terima pakai untuk pelaksanaan.

- Postal delivery could take time, can the IRB extend their deadline for the taxpayer to revert by more than the standard time frame of 14/21 days? Perhaps adding 7 days to make up the possible postal delay.

Tempoh 14 hari telah ditambah kepada 21 hari bermula pindaan Rangka Kerja Audit Cukai 2013. Oleh itu, tambahan tempoh 7 hari sebagaimana yang dipohon tidak dipertimbangkan memandangkan kaedah pemakluman surat melalui emel, faks atau pos adalah memadai. Pembayar Cukai hendaklah

memaklumkan kepada LHDNM sekiranya terdapat perubahan alamat pos atau emel terkini.

Tempoh 21 hari yang diberikan adalah tempoh yang munasabah kepada pembayar cukai mengemukakan maklumbalas.

2. Advance Ruling

A private company in Malaysia intends to enter into a trading agreement with a US entity which is a tax resident in the United States of America. The US entity would like to know if such trading transaction would tantamount to the creation of a Permanent Establishment in Malaysia.

The IRB has earlier clarified that an arrangement that involves the interpretation of Double Taxation Avoidance Agreement including the determination of a permanent establishment does not fall within the scope of advance ruling in accordance with subrule 2(1) of the Income Tax (Advance Ruling) Rules 2008 [P.U. (A) 41/2008] which states the following:-

Scope of advance ruling

2. (1) *The Director General shall, on an application made by any person, make an advance ruling on how any provision of the Act applies or would apply to the person and to the arrangement for which the advance ruling is sought.*

Further to subrule 2(1), subrule 3(c)(ii) of the Income Tax (Advance Ruling) Rules 2008 states that the Director General shall not make an advance ruling in the circumstances where the matter on which the advance ruling is sought is being dealt with, or in the Director General's opinion should be dealt with, by one or both competent authorities of the parties to an agreement to avoid double taxation.

At issue now is, both the advance ruling and international tax divisions of the IRB, are unable to provide any reply on the required tax treatment which involves a PE determination and have instead advised the US entity to make the request to the relevant branch office of the IRB after the transactions have been carried out, as the matter will be judged base on the facts of the case.

Without the confirmation or advice from the IRB as the nation's enforcement authority, the foreign entity is unsure of the pricing of the goods and whether there is a need to file the income tax return in Malaysia in order to comply with the Malaysian tax law.

Our comments:

It is imperative that an avenue be made available so that foreign enterprises can continue to seek confirmation from the IRB for now and in the future whether a transaction would give rise to a permanent establishment so as to determine a more competitive pricing and aware of the need to comply with the Malaysian tax law.

In the above- mentioned case, there is no double tax agreement (except for reciprocal exemption of taxes on shipping and air transport income) between Malaysia and USA. As the determination of permanent establishment is not covered under a DTA, subrule 3(c)(ii) of the Income Tax (Advance Ruling) Rules 2008 would not have applied. In this respect, we would like to seek clarification from the IRB on its rationale for declining to make an advance ruling for this case.

Jawapan LHDNM:

Section 138B of the Income Tax Act 1967 (ITA) allows a person to seek for an Advance Ruling (AR) on the application of any provision of the ITA to the person and to the arrangement for which the ruling is sought. AR is a written interpretation of the ITA on how certain issues that arise from a proposed arrangement are to be treated for tax purposes. A ruling request has to be one where there are issues that require the interpretation of the law and not seeking to know what the law clearly provides.

The Income Tax (Advance Ruling) Rules 2008 was issued under paragraphs 154(1)(*eb*) and (*ec*) of the ITA to provide the scope and procedure and to prescribe the fees in relation to the issuance of an AR.

As provided under subrule 2(1), subrule 3(c)(ii) of the Income Tax (Advance Ruling) Rules 2008; the Director General shall not make an advance ruling in the circumstances where the matter on which the advance ruling is sought is being dealt with, or in the Director General's opinion should be dealt with, by one or both competent authorities of the parties to an agreement to avoid double taxation.

Paragraph 4(a) of the said rules further provides that the DGIR may decline to make an advance ruling where question of fact are to be determined.

Section 3 and 12 of ITA 1967 provides that income tax shall be charged on any person upon income accruing in or derived from Malaysia or received in Malaysia from outside Malaysia. As such, Malaysia has the right under ITA to tax business profits of a foreign enterprise which are derived from Malaysia. Thus a non-resident carrying on a world-wide trade will be taxed on that part of which it carries on in Malaysia. The determination of the source of the income is a question of fact. There is no definition of PE under the ITA.

Furthermore, IRBM also had issued a media release on 21 Jun 2016 to clarify that an arrangement that involves the interpretation of Double Taxation Avoidance Agreement such as the determination of permanent establishment does not fall within the scope of advance ruling.

For countries with which Malaysia has a DTA, the PE rules in the treaty will govern the treatment of profits of a PE in Malaysia. Business profits earned from Malaysia by a foreign treaty country resident are not subject to Malaysian tax unless the non-resident carries on business activities in Malaysia through a PE. In the absence of a DTA, the chargeability of a foreign enterprise is question of fact to be determine by looking at the fact of each case in accordance with the provision of section 3 and 12 of the ITA above.

CTIM comments on the need for certainty of PE status in order to determine a more competitive pricing for an enterprise is frivolous and vexatious. There are many factors

(external and internal) that affect the pricing strategy of an enterprise. Taxation does not only concern the determination of pricing.

For the US enterprise, IRBM would like to advise the entity to file income tax return form in Malaysia. This is to enable the IRBM to determine whether its income is derived from or accruing in Malaysia based on facts of each cases.

OPERATIONS ISSUES

3. Input Tax Not Claimable from RMCD (Item L26A in the YA 2016 Form C)

Paragraph 3 of the IRB's letter dated 23 September 2016 [Please refer to Appendix 2] states:

Ruang L26A adalah bagi tujuan penyeragaman dengan pelarasan tuntutan cukai input yang ditentukan selepas audit oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan tindakan boleh diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk meminda taksiran seperti diperuntukkan di bawah subseksyen 91(6) ACP 1967.

Our comments:

The above-mentioned paragraph 3 of the IRB's letter dated 23 September 2016 does not appear to be consistent with the explanatory note on Item L26A in the Guidebook for the 2016 Form C which states:

This refers to the amount of input tax verified by the Royal Malaysian Customs Department (RMCD) after audit as not claimable. This amount of input tax verified as not claimable can be claimed as an allowable expense under the ITA 1967. Enter the amount of input tax or part thereof in respect of the expenditure for the current year of assessment.

Assuming Company A's basis period for the year of assessment (YA) 2016 is from 1 July 2015 to 30 June 2016. RMCD has conducted a GST audit and the amount of GST input tax verified as not claimable under the GST Act 2014 is RM100 which relates to transactions in two YAs as shown below:-

Basis Period	Amount (RM)
1 July 2014 – 30 June 2015 (YA 2015)	20
1 July 2015 – 30 June 2016 (YA 2016)	80
	100

The RM100 GST input tax above (verified by RMCD as not claimable) was charged out as an expense to the profit & loss account for the financial year ended 30 June 2016 (YA 2016) subsequent to the above-mentioned RMCD verification.

In view of the above, please clarify which amount should be disclosed in item L26A of the Form C and in respect of which YA.

Jawapan LHDNM:

Jika GST cukai *input* tidak layak dituntut daripada JKDM dan dapat dikenal pasti berkaitan dengan Tahun Taksiran (TT) 2016 maka dalam senario ini amaun RM80 yang perlu dimasukkan ke ruangan L26A BNCP TT 2016.

Manakala bagi GST cukai input berkaitan dengan TT 2015 iaitu RM20, syarikat A boleh meminda taksiran berdasarkan peruntukan subseksyen 91(6), ACP.

Jika GST cukai *input* yang telah dituntut daripada JKDM tetapi sebenarnya tidak layak dituntut (selaras dengan peruntukan di bawah Akta CPB) dan tidak dapat dikenalpasti berkaitan dengan TT mana maka pindaan akan dibuat dalam TT pelarasan ditemui oleh KPHDN.

Surat maklum balas LHDNM bertarikh 23 September 2016 disediakan secara khususnya untuk menjawab pertanyaan CTIM melalui surat bertarikh 26 Ogos 2016 berhubung senario yang diutarakan; tetapi Buku Panduan Borang C 2016 disediakan untuk tujuan pengisian Borang Nyata Cukai Pendapatan yang berkenaan, dan keterangan yang dimasukkan adalah mengikut kesesuaian.

Walau bagaimanapun, pihak LHDNM mengambil maklum perkara tersebut.

Pengerusi menyarankan perkara 'Input Tax Not Claimable from RMCD' tersebut dibuka untuk perbincangan lanjut dalam mesyuarat dialog teknikal yang akan datang.

4. Loans to/from Related Companies (Items N7 – N10 in the YA 2016 Form C)

The frequently asked questions (FAQ) as listed on the IRB's website in respect of the above states that the original loan amount is required to be filled in the boxes for the above and not the loan amount net of repayments as at the financial year end.

Our comments:

We refer to the following explanatory note of item N7 in the *Guidebook of 2016 Company Return Form*:

"Jumlah pinjaman (termasuk pendahuluan) yang diberi sepanjang tempoh asas"

Based on the above explanation, we understand that the amount of loans required to be reported in item N7 of the Form C is the aggregate of the new loan arising in the current year and the old loan brought forward from the previous year as illustrated in the table below:

Year	New loan taken during the current year (RM)	Amount of loan after repayment	Amount to be disclosed in item N7 of The Form C (RM)
Year 1	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Year 2	1,000,000	1,800,000	2,000,000
Year 3	1,000,000	2,500,000	3,000,000

If the above illustration is correct, we would like to highlight that the amount to be disclosed in item N7 can accumulate into a very large amount as repayments during each current year are not to be taken into account, and the figures will not reflect the actual balance sheet position of each financial year. In view of this, the Institute would request that the requirement to exclude repayments be reconsidered.

Jawapan LHDNM:

The amount of loan that a company needs to report in item N7 is the balance of the loan during brought forward from previous year and the amount of loan taken during the current year.

The purpose of N7 is for IRBM to identify the total amount of loans still owing at the beginning of the year and taken up during the whole year. By only reporting only the balance of loan after repayment during current year, will not provide an accurate picture of the amount of controlled financial assistance involved.

5. Closing of Companies

We refer to Item 32 of page 29 to the Minutes of Meeting Working Group IRB & Professional Bodies Dialogue – DESIRE No. 1/2016) as follows:

“ The closing of companies include the following:-

- *Company de-registration*
- *Voluntary winding up*
- *Third party winding up*

A company under de-registration normally has no assets and liabilities. The tax clearance letter (SPC) has been issued by LHDNM, all taxes have been paid and all returns up to the current year have been submitted. It would take a year or more for the Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) to de-register the company and strike it off from the company list.”

Our comments:

The Institute would like to seek clarification on whether the above-mentioned company is required to file returns during the duration that the SSM takes to de-register the company and strike it off from the company list.

Jawapan LHDNM:

Syarikat tidak perlu mengemukakan BNCP hanya sekiranya ia dibubarkan sepenuhnya dan fail cukai telah dimatikan oleh LHDNM. (Sila rujuk isu no. 14 di muka surat 14 & 15 minit Dialog Operasi & Teknikal Bil. 1/2014 pada 17 Februari 2014.)

Pihak persatuan mengambil maklum dan mamahami jawapan LHDNM. "

Our comments:

The Institute would like to suggest that the sentence, “*Borang C dan R tidak akan dikeluarkan mulai Tahun Taksiran 20XX*” as stated in the standard tax clearance letter [“SPC”] issued to all

companies be reworded to "Borang C tidak perlu dikemukakan mulai Tahun Taksiran 20XX" in line with the current tax legislation. This is to avoid any confusion in view of the fact that pursuant to Section 77A(1A) of the Income Tax Act 1967, effective year of assessment 2014, hardcopy of the tax returns will not be issued as companies must submit their tax returns via e-filing.

Jawapan LHDNM:

Syarikat tidak perlu mengemukakan BNCP hanya sekiranya ia dibubarkan sepenuhnya dan fail cukai telah dimatikan oleh LHDNM. (Sila rujuk isu no. 14 di muka surat 14 & 15 minit Dialog Operasi & Teknikal Bil. 1/2014 pada 17 Februari 2014.)

Berhubung ayat yang dicadangkan di dalam Surat Penyelesaian Cukai (SPC), LHDNM telah membuat pindaan kepada ayat-ayat tersebut.

